

# Medik Asas

## Perlindungan Asas Bijak, Penjimatan Hebat



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

# Perlindungan Inklusif dan Mampu Milik untuk Semua

Kini, perlindungan perubatan asas yang mesra poket mampu dimiliki oleh semua melalui **Medik Asas**, rider yang menawarkan perlindungan perubatan bijak yang **membantu anda berjimat**.



## Memperkenalkan **Medik Asas**

Nikmati perlindungan asas mampu milik yang merangkumi perlindungan perubatan, hospitalisasi dan pembedahan untuk memastikan anda kekal terlindung di saat anda paling memerlukan.

# Kelebihan Medik Asas



## Mampu Milik

Dalam perjalanan hidup, setiap orang pasti akan memerlukan rawatan perubatan. Lindungi diri dan keluarga tersayang dengan perlindungan perubatan asas dari serendah RM52\* sebulan.



## Tiada Had Seumur Hidup


Dapatkan penjagaan dan rawatan perubatan penting sepanjang hidup anda.

*Tertakluk kepada Had Tahunan dan had manfaat individu (jika berkenaan).*



## Kurang Tuntutan, Kurang Bayaran

Dengan kaedah Harga Berasaskan Tuntutan kami yang inovatif, anda boleh nikmati jumlah sumbangan yang lebih rendah jika anda tidak membuat sebarang tuntutan pada tahun sebelumnya. Jumlah sumbangan anda mungkin diselaraskan setiap tahun mengikut sejarah tuntutan anda.



## Manfaat Khas di Hospital Kerajaan

Nikmati manfaat seperti elaun harian dan penjagaan khas untuk warga emas apabila anda mendapatkan rawatan perubatan di hospital kerajaan.

*\*Kadar sumbangan untuk Medik Asas, untuk perempuan, umur 11 tahun, kelas pekerjaan 2 pada permulaan pelan (berdasarkan Tahap Tabarru` 0).*



Dapatkan perlindungan perubatan asas sehingga **RM100,000 setiap tahun** dengan **Medik Asas**, yang merangkumi:

1

### Manfaat Pesakit Dalam

- Bilik dan Penginapan Hospital Harian
- Unit Rawatan Rapi / Unit Penjagaan Jantung
- Rawatan dan Prosedur Pembedahan
- Perkhidmatan Dalam Hospital yang Berkaitan

2

### Manfaat Pesakit Luar

- Pembedahan Harian
- Rawatan Sebelum Masuk dan Selepas Keluar Hospital
- Rawatan Kecemasan bagi Kecederaan akibat Kemalangan

3

### Manfaat Penyakit Utama

- Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar
- Rawatan Kanser Pesakit Luar
- Pemindahan Organ

4

### Manfaat Penjagaan Tambahan

- Penjagaan Khas Warga Emas di Hospital Kerajaan
- Elaun Hospital Kerajaan
- Pengecualian Deduktibel di Hospital Kerajaan

(i)

#### Penjagaan Khas Warga Emas di Hospital Kerajaan

Warga emas mungkin memerlukan penjagaan dan perhatian khas, termasuk penggunaan alat bantu perubatan. Kerana ini, Medik Asas menyediakan bantuan kewangan untuk mana-mana alat bantu perubatan berikut sehingga had manfaat: kanta intraokular, kaki & lengan tiruan luaran, alat bantuan pendengaran, peranti sendi tiruan luaran, protesis luaran & implan untuk tulang belakang, protesis & orthosis untuk anggota badan dan perentak jantung luaran.

*Nota: Medik Asas menawarkan kemudahan kemasukan tanpa tunai di hospital kerajaan Malaysia dan panel hospital swasta terpilih. Untuk rangkaian panel hospital swasta yang lebih luas, anda boleh mempertimbangkan untuk mengambil pelan perubatan komprehensif kami, Medic TotalCare. Untuk maklumat lanjut mengenai Medic TotalCare, sila rujuk risalah PruBSN Damai.*

# Jadual Manfaat - Medik Asas

HAD MANFAAT	
<b>HAD TAHUNAN KESELURUHAN</b>	RM100,000
<b>HAD SEUMUR HIDUP</b>	Tiada Had Seumur Hidup
<b>BAYARAN BERSAMA</b>	<b>RM500 Deduktibel</b>
<b>MANFAAT PENJAGAAN PESAKIT DALAM</b>	
<b>Bilik dan Penginapan Hospital Harian</b> (maksimum 150 hari setiap Tahun Rider)	RM150
<b>Unit Rawatan Rapi (ICU) / Unit Penjagaan Jantung (CCU)</b> (maksimum 90 hari setiap Tahun Rider)	
<b>Rawatan dan Prosedur Pembedahan</b> , termasuk • Bayaran Bilik Pembedahan • Bayaran Pakar Bius	Seperti yang Dicaj
<b>Perkhidmatan dalam Hospital Yang Berkaitan</b> , termasuk • Lawatan Pakar di Hospital • Bayaran Ambulans	
<b>MANFAAT PENJAGAAN PESAKIT LUAR</b>	
<b>Pembedahan Harian</b>	Seperti yang Dicaj
<b>Rawatan Sebelum Masuk Hospital</b> (dalam tempoh 60 hari sejurus sebelum dimasukkan ke hospital)	Seperti yang Dicaj
<b>Rawatan Selepas Keluar Hospital</b> (dalam tempoh 90 hari sejurus selepas dimasukkan ke hospital)	Seperti yang Dicaj
<b>Rawatan Kecemasan Pesakit Luar bagi Kecederaan akibat Kemalangan (termasuk pergigian)</b> (dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kemalangan)	RM1,500 setiap Tahun Rider
<b>MANFAAT PENJAGAAN PENYAKIT UTAMA</b>	
<b>Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar</b>	RM150,000 seumur hidup
<b>Rawatan Kanser Pesakit Luar</b>	
<b>Pemindahan Organ</b> (sekali seumur hidup)	Seperti yang Dicaj
<b>MANFAAT PENJAGAAN TAMBAHAN</b>	
<b>Penjagaan Khas Warga Emas di Hospital Kerajaan</b> (untuk umur 60 dan ke atas)	Sehingga RM1,000 seumur hidup
<b>Elaun untuk Kemasukan Ke Hospital Kerajaan</b> (maksimum 150 hari setiap Tahun Rider)	RM100 sehari
<b>Elaun Hospital Kerajaan untuk Rawatan Susulan</b> (maksimum 90 hari setiap Tahun Rider)	RM50 sehari
<b>Pengecualian Deduktibel untuk Hospital Kerajaan</b>	Ya

Nota:

1. Amaun manfaat yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada bayaran bersama.
2. Semua manfaat di atas adalah tertakluk kepada pengecualian, tempoh menunggu dan terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil.
3. Semua manfaat tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan pelan, kecuali Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar, Rawatan Kanser Pesakit Luar dan Penjagaan Khas Warga Emas di Hospital Kerajaan.
4. Tempoh Menunggu yang terpakai: 120 hari untuk Penyakit Spesifik dan 30 hari untuk semua penyakit lain dari tarikh berkuat kuasa pelan ini.

(i)

Jika anda memerlukan pelan perubatan dan hospitalisasi yang lebih komprehensif, Medic TotalCare adalah penyelesaian yang lebih sesuai untuk anda. Medic TotalCare adalah pelan perubatan moden yang menyediakan perlindungan menyeluruh untuk hospitalisasi dan pelbagai jenis rawatan termasuk perlindungan komprehensif untuk kanser, rawatan perubatan teknologi maju, dan penjagaan kesihatan mental.

Untuk maklumat lanjut mengenai Medic TotalCare, sila rujuk brosur PruBSN Damai.

## Bayaran Bersama: RM500 Deduktibel

Pembayaran Bersama merujuk kepada jumlah yang anda perlu bayar dalam menampung kos rawatan perubatan di bawah pelan ini.

**Medik Asas** disertakan Pembayaran Bersama RM500 Deduktibel, di mana anda perlu membayar terlebih dahulu amaun tetap sebanyak RM500 daripada jumlah kos yang dikenakan untuk manfaat yang layak dalam tahun rider, dan PruBSN akan membayar baki selebihnya. Ini tidak terpakai untuk Rawatan Kanser bagi Pesakit Luar, Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar, Rawatan Kecemasan termasuk Rawatan Kecemasan Pesakit Luar untuk Kecederaan akibat Kemalangan dan Rawatan di Fasiliti Kesihatan Kerajaan Malaysia.

## Harga Berasaskan Tuntutan dengan Medik Asas

**Medik Asas** menggunakan kaedah Harga Berasaskan Tuntutan untuk menentukan tahap *Tabarru`* dan jumlah sumbangan anda setiap tahun.

Pada permulaan pelan **Medik Asas** anda, sumbangan anda bermula berdasarkan Tahap *Tabarru`* 0 (dengan diskau 15% daripada tahap asas iaitu Tahap *Tabarru`* 1). Jika anda tidak membuat sebarang tuntutan di bawah **Medik Asas**, anda akan terus menikmati sumbangan dan kadar penolakan *Tabarru`* yang lebih rendah. Apabila anda membuat tuntutan, sumbangan dan kadar penolakan *Tabarru`* anda akan diselaraskan ke Tahap *Tabarru`* seterusnya.

Tahap <i>Tabarru`</i>	Kadar Diskaun/ Penambahan Penolakan <i>Tabarru`</i>	Bila Ia Terpakai
0 (tahap diskau)	Diskaun 15%*	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semasa permulaan pelan <b>Medik Asas</b>; atau</li><li>• Selepas 1 tahun tanpa tuntutan semasa di Tahap 0 atau Tahap 1.</li></ul>
1 (tahap asas)	0%	<ul style="list-style-type: none"><li>• Selepas membuat tuntutan kurang daripada RM5,000 semasa di Tahap 0 atau Tahap 1 pada tahun sebelumnya; atau</li><li>• Selepas 2 tahun tanpa tuntutan semasa di Tahap 2.</li></ul>
2	Penambahan 35%*	<ul style="list-style-type: none"><li>• Selepas membuat tuntutan sebanyak RM5,000 atau lebih semasa di Tahap 0 atau Tahap 1 pada tahun sebelumnya; atau</li><li>• Selepas membuat sebarang jumlah tuntutan semasa di Tahap 2 pada tahun sebelumnya.</li></ul>

\*daripada kadar penolakan *Tabarru`* untuk Tahap *Tabarru`* 1


Apabila Tahap *Tabarru`* meningkat ke Tahap 1 atau Tahap 2, sumbangan tambahan (Sumbangan Medik Flex) diperlukan untuk menampung kadar penolakan *Tabarru`* yang meningkat bagi tahun berkenaan.

## Senario 1:

Tiada peningkatan kadar penolakan Tabarru` dan sumbangan kerana tiada tuntutan



Tahap  
Tabarru` 2  
Tahap  
Tabarru` 1  
Tahap Asas  
Tahap  
Tabarru` 0  
Tahap Diskaun




Ali tidak membuat sebarang tuntutan dan menikmati kadar yang lebih rendah pada Tahap Tabarru` 0

## Senario 2:

Peningkatan dan penurunan kadar penolakan Tabarru` dan sumbangan mengikut rekod tuntutan



Tahap  
Tabarru` 2  
Tahap  
Tabarru` 1  
Tahap Asas  
Tahap  
Tabarru` 0  
Tahap Diskaun



Tahun 1: Bella terlibat dalam kemalangan dan membuat tuntutan rawatan sebanyak RM1,000. Tahap Tabarru` meningkat ke Tahap 1 untuk tahun berikutnya dengan sumbangan yang dikemas kini.

Tahun 4: Sumbangan dikemas kini disebabkan struktur sumbangan bertingkat (setiap 3 tahun).

Tahun 6: Masih tiada tuntutan pada tahun sebelumnya, Tahap Tabarru` menurun ke Tahap 0 dengan sumbangan yang dikemas kini.



Apabila Tahap Tabarru` meningkat ke Tahap 1 atau Tahap 2, sumbangan tambahan (Sumbangan Medik Flex) diperlukan untuk menampung kadar penolakan Tabarru` yang meningkat bagi tahun berkenaan.

Sebelum setiap tahun sijil, anda akan dimaklumkan mengenai tahap Tabarru` dan penyelarasan sumbangan (jika ada).

Nota: Amaun sumbangan yang ditunjukkan adalah untuk rider Medik Asas sahaja berdasarkan sumbangan bulanan, kelas pekerjaan 1 dan umur tamat tempoh 70 tahun. Amaun tuntutan adalah selepas ditolak amaun bayaran bersama.

Senario yang dipaparkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan adalah berdasarkan ciri Harga Berasaskan Tuntutan yang diterangkan dalam muka surat 5.

# Contoh Sumbangan Tahunan untuk Medik Asas

Berdasarkan Tahap Tabarru` 0 (dengan diskaun 15%), umur tamat tempoh 70 tahun dan kelas pekerjaan 1.

Umur Kemasukan	Lelaki (RM)	Perempuan (RM)
1	2,472	2,436
5	1,128	948
20	1,116	1,020
25	1,020	864
30	1,044	1,032
40	1,272	1,260
50	1,992	1,980

Nota:

1. Sumbangan Medik Asas akan berubah setiap 3 tahun sijil (sumbangan bertingkat).
2. Jumlah Tabarru` Medik Asas dan sumbangan juga bergantung kepada Harga Berasaskan Tuntutan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sijil.
3. Untuk kadar sumbangan lengkap Medik Asas, sila rujuk [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my).
4. Tabarru` dan sumbangan Medik Asas adalah tidak dijamin tanpa mengira sejarah tuntutan anda. Kami boleh menyemak semula sumbangan dan penolakan Tabarru` disebabkan keadaan tidak memuaskan seperti inflasi kos perubatan dan penggunaan perkhidmatan perubatan yang tinggi dengan memberikan notis bertulis 30 hari kepada anda. Sebarang perubahan dalam sumbangan dan/atau Tabarru` akan berkuat kuasa pada ulang tahun sijil yang berikutnya dan boleh dikenakan dalam tempoh selang 3 tahun sijil.

## Caj & Penolakan

### Caj Wakalah Pendahuluan

Sumbangan rider Medik Asas akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Medik Protection dan Medik Allocator, berdasarkan nisbah 70:30. Bagi tahun rider di mana Medik Asas berada di Tabarru` Tahap 1 atau Tahap 2, akan ada sumbangan tambahan iaitu Sumbangan Medik Flex.

Medik Protection, Medik Allocator dan Sumbangan Medik Flex akan diperuntukkan ke dalam Akaun Khas Individu (ISA) selepas ditolak dengan Caj Wakalah Pendahuluan. Peratusan Caj Wakalah Pendahuluan yang ditunjukkan di bawah adalah berdasarkan sumbangan yang dibayar dan untuk tempoh pembayaran sumbangan selama 20 tahun atau lebih.

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	>10
Medik Protection	75%	60%	40%	35%	20%	20%	10%	10%	10%	10%	10%
Medik Allocator											5% setiap tahun
Sumbangan Medik Flex											5% setiap tahun jika berkenaan

Bagi tempoh pembayaran sumbangan kurang daripada 20 tahun, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk.

## **Penolakan *Tabarru`***

Penolakan *Tabarru`* dipotong setiap bulan daripada ISA anda ke dalam Dana *Tabarru`* untuk perlindungan takaful anda. Penolakan *Tabarru`* untuk perlindungan takaful adalah berbeza mengikut Umur pada Hari Jadi Akan Datang, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, pengkadaran perubatan Orang Yang Dilindungi. Penolakan *Tabarru`* akan meningkat secara umumnya apabila umur Orang yang Dilindungi meningkat.

Penolakan *Tabarru`* merujuk kepada sumbangan sukarela oleh peserta mengikut aturan *Ta`awun*. Ini berkaitan dengan bahagian sumbangan peserta dalam Dana *Tabarru`* semasa tempoh perlindungan. Penolakan *Tabarru`* daripada peserta ditempatkan dan dikumpulkan dalam dana yang dimiliki secara kolektif oleh peserta. Dana ini digunakan untuk membayar semua tuntutan sesuai dengan manfaat yang dipersetujui di bawah pelan berdasarkan bantuan dan pertolongan bersama. Kami boleh menyemak semula penolakan *Tabarru`* pada bila-bila masa tertakluk kepada pemberitahuan kepada peserta.

# Nota Penting

1. Brosur ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk maklumat lanjut mengenai rider ini, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk dan Lampiran Keterangan Produk.
2. **Medik Asas** adalah rider perubatan dengan sumbangan bertenang setiap 3 tahun yang menyediakan perlindungan asas untuk hospitalisasi dan rawatan pembedahan akibat penyakit yang dilindungi atau kemalangan, sehingga umur 100 tahun. Apabila tamat tempoh, **Medik Asas** tidak menyediakan sebarang jumlah faedah daripada Dana *Tabarru`*.
3. **Medik Asas** menawarkan kemudahan tanpa tunai di hospital kerajaan Malaysia dan panel hospital swasta terpilih. Sila rujuk [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my) untuk melihat senarai Hospital Panel yang terpakai untuk pelan ini.
4. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar jumlah sumbangan.
5. Jika anda berhenti membayar atau tertinggal membayar sumbangan termasuk sumbangan Medik Flex, jika berkenaan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum tamat tempoh.
6. Sumbangan dan kadar *Tabarru`* tidak dijamin. PruBSN mungkin akan menyemak semula sumbangan dan kadar *Tabarru`* disebabkan oleh keadaan seperti inflasi kos perubatan dan penggunaan perkhidmatan perubatan yang lebih tinggi dengan memberikan anda notis bertulis 30 hari. Kadar yang disemak semula akan dikenakan kepada semua pelanggan tanpa mengira sejarah tuntutan dan akan berkuat kuasa pada tahun sijil yang seterusnya yang mungkin boleh dikenakan dalam tempoh selang sumbangan peningkatan 3 tahun sijil. Jumlah *Tabarru`* **Medik Asas** dan sumbangan juga bergantung kepada Harga Berasaskan Tuntutan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sijil ini.
7. **Medik Asas** adalah berdasarkan pertolongan secara bersama (*Ta`awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua bagi kejadian yang dilindungi. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang dinyatakan di atas.
8. Sebagai tambahan, konsep *Mudarabah* yang terpakai membolehkan mana-mana keuntungan pelaburan hasil daripada ISA dikongsi antara PruBSN dan anda. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, sementara PruBSN akan menerima baki sebanyak 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke ISA anda. Jika terdapat kerugian pelaburan daripada ISA, selaras dengan konsep *Mudarabah*, kerugian akan ditanggung oleh anda
9. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada). Bersama-sama dengan peserta lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan tersebut dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian lebihan agihan anda akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda. Amaun agihan lebihan sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
10. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Jadi Akan Datang.

11. Jika anda menukar pelan perubatan semasa anda dengan pelan lain atau daripada satu pembekal yang lain, anda mungkin akan tertakluk kepada pengunderaitan baharu dan tempoh menunggu untuk pelan baharu tersebut.
12. Untuk **Medik Asas**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
13. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara brosur versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan untuk tujuan penafsiran dan pembinaan, brosur versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

*Nota: Maklumat lanjut mengenai perlindungan dan manfaat pelan ini tersenarai dalam Ilustrasi Produk dan Lampiran Keterangan Produk yang perlu dibaca dengan teliti sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan ini.*



# Pengecualian

**Medik Asas** tidak melindungi sebarang keadaan berikut:

1. Penyakit sedia ada jika penyakit tersebut tidak dinyatakan dalam borang cadangan atau apa jua borang lain yang berkaitan dengan keadaan kesihatan anda selepas sijil ini berkuat kuasa
2. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam Tempoh Menunggu 120 hari perlindungan (sila rujuk dokumen sijil untuk senarai Penyakit Tertentu).
3. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam Tempoh Menunggu 30 hari kecuali, kecuali kecederaan akibat kemalangan.
4. Sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan jangkitan cacing dalam Tempoh Menunggu 30 hari.
5. Sebarang pembedahan kosmetik atau plastik elektif kecuali pembedahan rekonstruktif yang diperlukan untuk memulihkan fungsi selepas kecederaan.
6. Sunat, pemeriksaan mata, pembetulan rabun dekat dan/atau rabun jauh melalui cermin mata, kanta dan pemeriksaan refraksi atau pembedahan (Radial Keratotomy atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan alat prostetik luaran atau peranti perubatan tidak terhad kepada anggota tiruan, semua jenis alat pendengar, alat koklea, alat pacu jantung luaran dan preskripsi bagi alat-alat tersebut.
7. Sebarang kondisi pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali jika disebabkan oleh kecederaan pada gigi semula jadi yang sihat akibat kemalangan.
8. Sebarang rawatan eksploratori atau eksperimental atau mana-mana prosedur elektif lain, termasuk ubat-ubatan dan/atau teknologi/prosedur perubatan yang tidak konvensional, yang belum terbukti berkesan berdasarkan amalan perubatan yang diiktiraf dan yang belum diluluskan oleh badan yang diiktiraf di negara di mana Orang Yang Dilindungi menerima rawatan.
9. Sebarang penjagaan jururawat peribadi, rawatan rehat atau penjagaan sanatorium, bahan terlarang, intoksikasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada alkohol dan dadah), pensterilan, penyakit kelamin dan kesannya, Sindrom Kekurangan Imun yang Diperoleh (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kekurangan Imun Manusia (HIV) dan penyakit berkaitan HIV, serta penyakit yang disebarluaskan melalui hubungan seksual.
10. Sebarang rawatan atau pembedahan untuk kondisi kongenital termasuk kondisi disebabkan keturunan.
11. Sebarang rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan kehamilan atau kelahiran anak dan komplikasinya, keguguran, pengguguran kandungan, penjagaan pranatal atau postnatal, serta kaedah kontraseptif pembedahan, mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketidaksuburan serta disfungsi ereksi dan ujian atau rawatan berkaitan impotensi atau pensterilan.
12. Pemeriksaan atau konsultasi perubatan rutin, kemasukan ke hospital terutama untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan umum, yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis kecacatan yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak dianggap perlu dari segi perubatan serta sebarang rawatan pencegahan, ubat pencegahan atau pemeriksaan yang dijalankan oleh seorang doktor, dan rawatan khusus untuk penurunan atau penambahan berat badan.
13. Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika waras atau tidak waras.

14. Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau pencerobohan atau tindakan permusuhan asing (sama ada perang diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, atau ketenteraan atau rampasan kuasa atau bergiat aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata.
15. Sebarang aktiviti jenayah atau pengganas.
16. Sebarang pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau untuk menentang penangkapan.
17. Sebarang penyertaan secara langsung dalam rusuhan, mogok, kekecohan awam atau pemberontakan.
18. Sebarang radiasi ion atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear akibat proses ledakan nuklear atau akibat daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
19. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana bahagian badan atau organ oleh Orang yang Dilindungi dan kos perolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
20. Sebarang penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan berdengkur, rawatan hiperhidrosis, terapi penggantian hormon, terapi sel induk, terapi oksigen hiperbarik, konsultasi dan rawatan pakar kaki, dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan perubatan atau bekalan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, akupresur, refleksologi, pembetulan tulang, rawatan herba, urutan atau terapi aroma.
21. Sebarang rawatan atau penjagaan perubatan yang mana pembayaran tidak diperlukan atau yang dibayar oleh mana-mana Takaful atau indemniti insurans lain yang melindungi orang yang dilindungi serta kecacatan yang timbul daripada tugas pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja atau Sijil Takaful.
22. Sebarang gangguan psikiatri, mental atau saraf dan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikososomatik).
23. Perbelanjaan perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan seperti televisyen, telefon, jalur lebar, bil elektrik, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
24. Sebarang penyakit atau kecederaan yang timbul daripada perlumbaan apa-apa jenis (kecuali perlumbaan kaki), sukan berbahaya, sukan profesional, aktiviti haram, dan penerbangan udara selain daripada sebagai sebagai anak kapal atau penumpang yang membayar tambang pada pesawat komersial yang berlesen dan beroperasi pada laluan jadual yang tetap.
25. Sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk penukaran jantina atau transformasi jantina.
26. Sebarang penjagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, pengekalan keadaan orang yang dilindungi atau pemulihan keadaan kesihatan sebelumnya orang yang dilindungi.
27. Sebarang caj yang tidak dianggap sebagai caj yang berpatutan dan biasa diamalkan, sebarang pembedahan atau rawatan yang tidak diperlukan dari segi perubatan.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

# Apakah Itu Takaful?

Suatu perkiraan yang berdasarkan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Takaful diambil daripada istilah Arab '*kafala*' yang membawa erti  
**“Jaminan bersama” atau  
menjamin antara satu sama lain.**

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat **tiga (3) aspek** persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.

**Pertolongan  
Bersama**

**Perlindungan  
Bersama  
Daripada Kerugian**

**Tanggungjawab  
Bersama**

Secara intipatinya, takaful adalah berdasarkan prinsip “*Ta`awun*”  
**(kerjasama / pertolongan bersama)**  
di mana penglibatan penyertaannya adalah  
***Tabarru`at* (kebajikan).**

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL

**Medik Asas** adalah produk berdasarkan Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

**PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD**

(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



customer@prubsn.com.my



SMS **PruBSN** dan hantarkan ke 33080



[www.facebook.com/prubsn](https://www.facebook.com/prubsn)



[www.instagram.com/prubsn\\_official](https://www.instagram.com/prubsn_official)



[www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](https://www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)

**Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.**

*Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan September 2024.*